

**SYER AUDIENS TV**

<b>SALURAN</b>	<b>PERATUSAN</b>	<b>PURATA BULANAN</b>
TV1	23.13%	23.09%
TV2	19.18%	18.79%
TV3	36.75%	36.51%
NTV7	4.40%	4.45%
8TV	4.52%	4.42%
TV9	7.56%	7.64%
AlHijrah	3.22%	3.50%
Lain-lain	1.23%	1.60%

RTM sentiasa berusaha untuk menambah baik liputan siaran Radio dan TV di seluruh negara, termasuk kawasan Lenggong, Perak. Di bawah Rancangan Malaysia Ke 9, Jabatan Penyiaran Malaysia telah meningkatkan penerimaan siaran TV di kawasan Lenggong dengan menaik taraf fasiliti pemancar TV di Ladang Teh Lenggong dengan pengunaan pemancar 500 watt dan memindahkan peralatan ke tapak stesen Telekom Malaysia yang baru. Kerja-kerja telah siap dilaksanakan pada 1 Disember 2010 dengan kos RM 1,029,166.

Di samping itu, penonton boleh juga menerima siaran TV1, TV2 dan TV3 RTM melalui perkhidmatan TV Satelit NJOI yang disediakan oleh ASTRO tanpa langganan bulanan. Mereka yang berdaftar dengan program eKasih layak menerima peralatan NJOI terdiri daripada Dekoder Satelit dan Antena secara percuma dan bagi pelanggan yang lain hanya perlu membayar sekitar RM288 untuk Dekoder dan Antena tidak termasuk kos untuk kerja pemasangan.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATO' SHAMSUL ANUAR  
BIN HAJI NASARAH  
(LENGGONG)**

**SOALAN : 53**

Mohon **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :

- (a) Usaha Kementerian dalam meningkatkan perkhidmatan kakitangan KEMAS seluruh negara; dan
- (b) Apakah usaha penambahbaikan Kementerian dalam usaha meningkatkan perkhidmatannya di luar bandar.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) melalui KEMAS sentiasa berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan kakitangannya di seluruh negara. Seperti contoh, mulai tahun 2010, KEMAS telah melantik guru-guru TABIKA dan TASKA KEMAS dari kalangan mereka yang telah memiliki Diploma pelbagai bidang untuk mengisi keperluan guru di TABIKA dan TASKA. Ini adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan yang menetapkan kelayakan minimum guru pendidikan awal kanak-kanak adalah di peringkat Diploma bagi menjamin kualiti pengajaran Guru dan pembelajaran kanak-kanak.

Selain itu, KEMAS juga telah menaik taraf gred jawatan kakitangan kontrak yang dikenali sebagai Pemaju Masyarakat pelbagai jurusan (Bina Insan, Pendidikan Masyarakat, Pembangunan Desa dan Perhubungan) dan Pemaju Masyarakat

TABIKA/TASKA yang tidak mempunyai kelayakan akademik yang sesuai turut diberi pertimbangan kenaikan gred jawatan daripada gred N11 kepada gred S17.

Pada masa kini juga, KEMAS sedang di peringkat akhir membuat kajian terhadap perjawatan lantikan kontrak dan tetap di peringkat Daerah, Negeri dan Ibu Pejabat bagi membolehkan lebih banyak peluang kenaikan pangkat dan kemajuan kerjaya diberikan kepada kakitangan KEMAS.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian telah memperluaskan perkhidmatannya dengan penubuhan Pejabat Cawangan Negeri (PCN) iaitu di Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Kedah, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Penubuhan PCN ini adalah untuk memperkuuhkan sistem penyampaian Kementerian di peringkat akar umbi. Antara fungsi PCN adalah melaksana, memantau dan menyelaras projek-projek pembangunan Kementerian serta menjadi penghubung antara Kementerian dengan Kerajaan Negeri.

Selain itu, pelaksanaan projek di bawah NKRA Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar seperti peluasan penyediaan infrastruktur asas, Program Desa Lestari dan *Rural Business Challenge* serta pewujudan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) serta Pusat Transformasi Luar Bandar Mini (Mini RTC) juga merupakan strategi yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan luar bandar menerima perkhidmatan setaraf dengan bandar. Antara perkhidmatan yang dimaksudkan adalah penyediaan kemudahan pembiayaan kewangan, perkhidmatan kesihatan dan khidmat sokongan dari segi pemasaran produk.